




ELEMEN KEBAT
DALAM
Kokurikulum







KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

ELEMEN KBAT DALAM KOKURIKULUM

Diterbitkan oleh
Kementerian Pendidikan Malaysia
Bahagian Pembangunan Kurikulum
2014

Cetakan Pertama 2014

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam sebarang bentuk dan dengan cara apa-apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4 – 8, Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

ELEMEN KBAT DALAM Kokurikulum

ISBN 978-967-420-080-0

1. Thought and thinking--Study and teaching--Malaysia--Handbooks, manual, etc. 2. Critical thinking. 3. Creative thinking.

I. Malaysia. Kementerian Pendidikan. Bahagian Pembangunan Kurikulum.

370.152

KANDUNGAN

Perkara

Muka Surat

PANEL PENYUMBANG	v
RUKUN NEGARA	vi
FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN	vii
KATA ALU-ALUAN	ix
PENDAHULUAN	x
1.0 Pengenalan	1
2.0 Pelaksanaan Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Kokurikulum	2
3.0 Pendekatan Penyelesaian Masalah Lima Langkah	4
3.1 Langkah 1: Mengenal pasti masalah	6
3.2 Langkah 2: Menganalisis masalah	7
3.3 Langkah 3: Fokus kepada masalah utama	7

Perkara**Muka Surat**

3.4 Langkah 4: Merancang Pelan Penyelesaian	8
3.5 Langkah 5: Penambahbaikan pelan penyelesaian masalah	8
4.0 Program 1Murid 1Projek	10
5.0 Dokumentasi	11
6.0 Penilaian Aktiviti	12
7.0 Contoh Aktiviti Berasaskan KBAT	13
7.1 Contoh 1:	13
7.2 Contoh 2:	14
7.3 Contoh 3:	15
7.4 Contoh 4:	16
8.0 Penutup	17
RUJUKAN	18

PANEL PENYUMBANG

PENASIHAT :

YBrs. Dr. Masnah binti Ali Muda Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum

En. Shamsuri bin Sujak Timbalan Pengarah (Kemanusiaan)
Bahagian Pembangunan Kurikulum

YBrs. Dr. Azian binti T.S. Abdullah Timbalan Pengarah (Dasar, Sains dan Teknologi)
Bahagian Pembangunan Kurikulum
(sehingga 4 Julai 2014)

YBhg. Datin Dr. Ng Soo Boon Timbalan Pengarah (STEM)
Bahagian Pembangunan Kurikulum
(mulai 4 Julai 2014)

PANEL:

Pn. Zaidah binti Mohd Yusof Ketua Sektor Sains dan Matematik
Bahagian Pembangunan Kurikulum

Tn. Hj. Sofian Azmi bin Tajul Arus Ketua Sektor Inovasi, Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Bahagian Pembangunan Kurikulum

Dr. Hajar binti Mohd Nor Bahagian Pembangunan Kurikulum

En. Ramanathan a/l Nagarathinam Bahagian Pembangunan Kurikulum

En. Zamzaitul Akmal Hisham bin Ahmad Yusuf Bahagian Pembangunan Kurikulum

Pn. Saripah Faridah binti Syed Khalid Bahagian Pembangunan Kurikulum

Pn. Isnazhana binti Ismail Bahagian Pembangunan Kurikulum

En. Sabri bin Abu Bakar Bahagian Kokurikulum dan Kesenian

RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan
dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara hidup yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga
dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas
prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

*Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550),
Peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah terpilih sehingga
5 Januari 2013 (ms12)*



KATA ALU-ALUAN

Alhamdulillah, kita panjatkan rasa syukur kepada Allah Yang Maha Kuasa kerana dengan limpah kurnia-Nya, buku Perincian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dapat disempurnakan penerbitannya.

Penulisan buku Perincian KBAT bertujuan untuk memberi penerangan mengenai pelaksanaan KBAT dalam sistem persekolahan. Penerbitan buku ini merupakan usaha untuk memberi kefahaman kepada pendidik dan masyarakat mengenai pelaksanaan KBAT dalam sistem persekolahan. Pelaksanaan KBAT di sekolah merangkumi tujuh elemen iaitu Kurikulum, Pedagogi, Pentaksiran, Kokurikulum, Sokongan Komuniti dan Swasta, Bina Upaya dan Sumber. Kejayaan dalam mencapai objektif KBAT bergantung kepada perancangan yang rapi dan menyeluruh melibatkan ketujuh-tujuh elemen tersebut.

Besarlah harapan saya, agar buku ini dijadikan sebagai sumber rujukan dan panduan untuk melaksanakan KBAT dalam sistem pendidikan di sekolah. Kepada semua pihak yang telah terlibat dalam penerbitan buku Perincian KBAT, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.



Dr. MASNAH BINTI ALI MUDA
Pengarah



Dr. MASNAH BINTI ALI MUDA
Pengarah
Bahagian Pembangunan
Kurikulum 2014

PENDAHULUAN

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menggariskan enam aspirasi iaitu kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, identiti sosial, pengetahuan dan kemahiran berfikir yang diperlukan oleh setiap murid untuk berupaya bersaing pada peringkat global. Daripada enam aspirasi yang dinyatakan, buku ini memberi fokus kepada kemahiran berfikir. Penguasaan kemahiran berfikir yang mantap memainkan peranan penting dalam melahirkan murid yang kreatif dan inovatif.

Kemahiran berfikir yang ditekankan ialah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) kerana trend perkembangan pendidikan masa kini menuntut kemahiran tersebut. Penerapan KBAT dalam pendidikan menggunakan pendekatan yang menyeluruh dan sistematik yang merangkumi tujuh elemen KBAT yang terdiri daripada tiga elemen utama iaitu Kurikulum, Pentaksiran dan Pedagogi serta empat elemen sokongan iaitu Kokurikulum, Sokongan Komuniti dan Swasta, Sumber dan Bina Upaya. Kesemua elemen ini adalah untuk membudayakan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan guru dan murid. Setiap elemen KBAT akan diperincikan dalam bentuk buku dan dikemas kini dari semasa ke semasa melalui laman web BPK. Maklumat terkini yang diperoleh boleh dijadikan koleksi yang komprehensif mengenai pelaksanaan KBAT.

Buku Perincian KBAT dalam Kokurikulum menerangkan mengenai pelaksanaan elemen KBAT dalam kokurikulum dengan menggunakan pendekatan penyelesaian masalah lima langkah dan contoh aktiviti yang boleh dilaksanakan. Penerapan elemen KBAT dalam aktiviti kokurikulum tercapai apabila murid telah melalui pengalaman pembelajaran yang bermakna melalui proses penyelesaian masalah yang telah dikenal pasti. Hasil tugas atau projek yang dihasilkan akan menghasilkan kemenjadian murid yang berupaya mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu.

1.0 PENGENALAN

Dalam sistem pendidikan Malaysia, kokurikulum merupakan pelengkap kepada kurikulum sekolah Malaysia. Ini adalah kerana kurikulum dan kokurikulum merupakan dua elemen penting dalam program pendidikan sekolah Malaysia yang merangkumi pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk menjana murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Kegiatan kokurikulum bermaksud kegiatan yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah yang memberikan murid peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari di bilik darjah (Peraturan-peraturan pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 seperti dalam Warta Kerajaan Jilid 42/No. 11 (Tambahan No. 41), Perundangan (A)/P.U.(A) 196,1998). Kokurikulum juga merupakan kegiatan atau aktiviti selain mata pelajaran yang diajarkan dalam bilik darjah dan dianggap sebagai sebahagian daripada kursus pendidikan di sekolah seperti kegiatan dalam persatuan, sukan dan lain-lain (Kamus Dewan, 2002).

Kokurikulum mempunyai peranan secara langsung dan tidak langsung dalam perkembangan potensi individu dari segi pemupukan integrasi nasional, membantu perkembangan hidup bermasyarakat dan pembentukan jati diri dalam kalangan murid. Ia dapat dilaksanakan melalui pemerolehan pelbagai kemahiran yang terkandung dalam aktiviti kokurikulum itu sendiri.




2.0 PELAKSANAAN ELEMEN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM KOKURIKULUM

Kokurikulum merupakan antara elemen yang diberi fokus di dalam Pelan Inisiatif Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dengan matlamat untuk melahirkan modal insan yang berupaya mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu.

Pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum akan menyemai budaya kreatif dan inovatif dalam kalangan murid melalui kepelbagaian aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan di luar bilik darjah dengan memberi penekanan kepada penyelesaian masalah dalam tugas atau projek. Pendedahan awal dan kepelbagaian aktiviti secara kumpulan yang ada akan memberi peluang kepada murid untuk meneroka, mencuba dan membuat inovasi melalui sesuatu tugas atau projek yang dipertanggungjawabkan. Hasil tugas atau projek tersebut bukan sahaja memberi pulangan kepuasan cita rasa kepada murid tetapi juga dapat membuktikan murid dapat mencipta sesuatu yang baharu yang tidak pernah difikirkan sebelum ini.

Kokurikulum mempunyai tiga bidang utama atau aktiviti iaitu kelab/persatuan, pasukan badan beruniform serta sukan dan permainan. Ketiga-tiga jenis aktiviti kokurikulum bertujuan mencapai aspirasi murid yang mana kemahiran berfikir merupakan salah satu daripada aspirasi tersebut (seperti rajah 1).



Rajah 1: Aspirasi Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum

Penerapan kemahiran berfikir secara terancang dan sistematik mengarah kepada penghasilan murid yang berfikiran aras tinggi. KBAT dalam kokurikulum membolehkan murid menggunakan pemikiran secara kreatif dan inovatif dalam menyelesaikan masalah atau menghasilkan sesuatu projek.

Elemen KBAT dalam kokurikulum boleh dilaksanakan melalui ketiga-tiga bidang aktiviti iaitu:

i. **Pasukan Badan Beruniform**

Pihak sekolah boleh menubuhkan unit beruniform mengikut keperluan setempat, kemudahan peralatan, jurulatih dan kemudahan sedia ada di sekolah.

ii. **Sukan dan Permainan**

Bidang sukan dan permainan di sekolah boleh terdiri daripada permainan dan sukan tradisional seperti wau, gasing, congkak atau permainan dan sukan antarabangsa seperti bola sepak, badminton dan catur.

iii. **Kelab/Persatuan**

Bidang persatuan dan kelab di sekolah boleh dikategorikan kepada dua iaitu:

- a. Persatuan dan kelab yang berasaskan mata pelajaran akademik.
- b. Persatuan dan kelab yang berasaskan minat, perkhidmatan, kecenderungan dan hobi.

3.0 PENDEKATAN PENYELESAIAN MASALAH LIMA LANGKAH

Pendekatan penyelesaian masalah merupakan kaedah pembelajaran berasaskan murid yang membolehkan mereka melalui pengalaman pembelajaran yang bermakna melalui penyelesaian masalah. Pendekatan ini melibatkan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis, analitik serta kebolehan mengaplikasikan pemahaman dan pengetahuan kepada masalah baharu dan berlainan serta seterusnya mencari idea dan penyelesaian alternatif. Kaedah ini akan membantu murid membina pengetahuan yang fleksibel, kemahiran penyelesaian masalah yang berkesan, pembelajaran secara kendiri dan berkumpulan, kemahiran memperoleh maklumat serta kerjasama dalam pasukan yang berkesan. Selain itu, pendekatan ini juga akan membolehkan murid mengenal pasti apa yang mereka sudah tahu, apa yang mereka perlu tahu, bagaimana dan sumber untuk mendapatkan maklumat baharu yang membawa kepada resolusi penyelesaian masalah.

Peranan guru adalah sebagai fasilitator yang bertindak untuk memberi latihan dan bimbingan untuk memandu dan menggerakkan murid daripada apa yang mereka sedia tahu kepada pemahaman yang lebih mendalam. Guru juga harus membantu murid memudahkan pendekatan penyelesaian masalah dengan menyokong, membimbing dan memantau proses pembelajaran. Sebagai fasilitator, guru juga harus membina keyakinan murid, menggalakkan perbincangan untuk mentakrif masalah, menyumbang saran, memperjelas idea, menghuraikan idea dengan lebih lanjut, meneliti dan mengkritik idea, menyusun maklumat dan seterusnya menyelesaikan masalah.

Pelaksanaan KBAT berlaku apabila semua murid melalui proses Pendekatan Penyelesaian Masalah dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.



Rajah 2: Pendekatan Penyelesaian Masalah Lima Langkah

Guru boleh memulakan pendekatan dengan memperkenalkan pendekatan penyelesaian masalah lima langkah dengan menerangkan “masalah” iaitu perkara yang didapati tidak memuaskan, belum sempurna, terdapat kesukaran, sesuatu yang perlu diubah atau tidak berjalan seperti diharapkan. Guru perlu menggalakkan interaksi antara murid dengan menggalakkan perbincangan untuk mengenal pasti masalah.

3.1 Langkah 1: Mengenal pasti masalah

Mengenal pasti masalah merupakan langkah awal penyelesaian masalah. Masalah yang dikenal pasti mestilah membantu murid memperoleh kemahiran baru yang akan digunakan untuk menyelesaikan masalah yang mungkin sukar untuk diatasi. Nyatakan masalah dalam bentuk naratif yang mengandungi beberapa maklumat yang membolehkan perbincangan aktif.

Contoh masalah yang dikenal pasti:

- i. Bagaimana membudayakan penggunaan tandas yang betul dan bersih di sekolah?
- ii. Bagaimana mengatasi masalah murid lewat ke sekolah?

Contoh pernyataan masalah:

Anda mempunyai seorang rakan yang mempunyai masalah penglihatan dan mempunyai kesukaran untuk membeli barang keperluan sendiri kerana asyik ditipu semasa membuat pembayaran. Bagaimana anda boleh membantu rakan anda untuk membeli barang keperluan dengan sendiri tanpa ditipu oleh sesiapa?



3.2 Langkah 2: Menganalisis masalah

Penyataan masalah yang kompleks memerlukan perbincangan dan dapatkan pelbagai maklumat. Masalah tersebut perlu dicerakinkan kepada isu kecil supaya murid boleh mendalami masalah dan mendapatkan maklumat berkaitan masalah yang dikenal pasti. Senaraikan persoalan bagi penyataan masalah, contohnya:

- i. Apakah maklumat yang kita perlu tahu?
- ii. Apakah keperluan yang diperlukan orang cacat penglihatan untuk memudahkannya mengenal pasti jumlah wang yang perlu dibayar?
- iii. Apakah program yang boleh dilaksanakan bagi mengatasi masalah ini?

Persoalan ini akan membantu murid untuk mendapatkan maklumat secara perbincangan, pembacaan bahan rujukan, internet dan sebagainya.

3.3 Langkah 3: Fokus kepada masalah utama

Kenal pasti masalah utama yang paling mudah diselesaikan tetapi memberi kesan yang terbaik. Gunakan kaedah yang sesuai untuk menentukan masalah yang paling utama, mudah diselesaikan dan memberi kesan yang terbaik.



3.4 Langkah 4: Merancang Pelan Penyelesaian

Setelah murid mengenal pasti masalah yang perlu diselesaikan, mereka perlu merancang pelan penyelesaian untuk menyelesaikan masalah tersebut. Senaraikan persoalan yang boleh difikirkan untuk membuat rancangan pelan penyelesaian tersebut contohnya:

- i. **Apakah** tugas yang perlu dibuat untuk menyelesaikan masalah?
- ii. **Bagaimana** untuk melaksanakan tugas tersebut?
- iii. **Siapa** yang akan melaksanakannya?
- iv. **Bilakah** setiap tugas patut disiapkan?

3.5 Langkah 5: Penambahbaikan pelan penyelesaian masalah

Langkah ini membolehkan murid membuat refleksi terhadap penyelesaian masalah yang telah dilaksanakan. Maklumat dan penemuan baru boleh disintesis kepada beberapa dapatan yang diperoleh seperti:

- i. Murid boleh menganalisis masalah dan keperluan yang diperlukan oleh orang bermasalah penglihatan semasa berbelanja di kedai.
- ii. Murid berupaya mencipta alat atau kaedah untuk memudahkan orang bermasalah penglihatan untuk menggunakan wang tunai dengan mudah dan betul.
- iii. Murid mempunyai pelbagai idea menarik dan berkesan untuk mencipta keperluan berdasarkan masalah.

Langkah ini juga membolehkan murid menilai kemahiran yang telah dipelajari dan membuat penambahbaikan kepada proses yang telah dilaksanakan. Senaraikan persoalan untuk membuat penambahbaikan seperti:

- i. Apakah yang telah berjaya dilaksanakan?
- ii. Apakah yang boleh ditambah baik?
- iii. Persoalan lain?
- iv. Idea penambahbaikan?

Pendekatan penyelesaian masalah akan membolehkan murid mempunyai kemahiran untuk menggunakan apa yang telah dipelajari dalam situasi lain (pemindahan pengetahuan), mengaplikasi pengetahuan sedia ada dan dipelajari dalam kehidupan mereka sebagai murid, ahli masyarakat dan anggota keluarga, mengaplikasi segala ilmu pengetahuan yang diperoleh dalam kursus yang berkaitan dengan projek-projek lain. Proses penyelesaian masalah ini juga akan menjadikan murid berupaya mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu.



4.0 PROGRAM 1MURID 1PROJEK



Elemen KBAT dalam kurikulum juga boleh dilaksanakan melalui program 1Murid 1Projek (1M1P) yang merupakan inisiatif Projek Inovasi Kelab dan Persatuan. Program ini diadakan bertujuan untuk menambah baik kegiatan kurikulum dalam kalangan murid dengan menggalakkan pihak sekolah menganjurkan sebarang aktiviti berunsur inovatif dan kreatif dalam kegiatan persatuan dan kelab di sekolah rendah dan menengah.

Program 1M1P melalui inisiatif Projek Inovasi Kelab dan Persatuan diadakan untuk meningkatkan KBAT dalam kalangan murid melalui Kelab dan Persatuan. Projek ini bermula pada Tahap II sekolah rendah yang melibatkan murid Tahun 4, 5 dan 6. Di peringkat sekolah menengah, projek ini melibatkan murid Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Murid sekolah rendah Tahap II akan melaksanakan satu projek secara berkumpulan manakala murid sekolah menengah, akan menyiapkan satu projek secara berkumpulan dan satu lagi projek kecil secara individu dalam tempoh tersebut. Pelaksanaan Program 1M1P mampu meningkatkan keupayaan belajar, menyelesaikan masalah dan menaakul serta mampu berfikir secara kreatif dan inovatif. Program ini juga dapat meningkatkan minat dan pelibatan murid secara aktif dalam aktiviti Persatuan dan Kelab dengan menyeronokkan.

5.0 DOKUMENTASI

Murid boleh menghasilkan dokumentasi aktiviti kokurikulum secara individu atau kumpulan dalam bentuk seperti Rajah 3:

Folio

Hasil kerja yang memperlihatkan keupayaan perkembangan dan pencapaian dalam projek yang dijalankan

Manual Pengguna

Garis panduan kepada pengguna untuk menggunakan sistem tertentu

Carta Alir

Arahan-arahan lengkap dan prosedur

Rajah 3: Hasil Dokumentasi Aktiviti Kokurikulum



6.0 PENILAIAN AKTIVITI

Penilaian aktiviti kurikulum dilakukan secara berterusan sepanjang tahun bagi menilai pencapaian dan kebolehan murid dalam menyiapkan sesuatu aktiviti. Setiap proses kerja dan hasil kerja akan diberi penilaian dan akhirnya menyumbang markah keseluruhan kurikulum. Penilaian dibuat berdasarkan ciri KBAT dalam Rajah 4.



Rajah 4: Ciri KBAT dalam Penilaian Kokurikulum


7.0 CONTOH AKTIVITI BERASASKAN KBAT

Berikut adalah **contoh** penerapan KBAT dalam kokurikulum:

7.1 Contoh 1:

- | | | |
|-------------------------|---|---|
| Persatuan/Kelab | : | Persatuan Bahasa Melayu |
| Tema | : | Bahasa Membina Bangsa |
| Tajuk | : | Memperkenalkan dan meningkatkan minat terhadap Sastera Melayu. |
| Masalah | : | Kurangnya pengetahuan dan minat dalam bidang sastera melayu seperti syair, gurindam, pantun dan seloka. |
| Cadangan/Alternatif | : | <ul style="list-style-type: none">• Menghasilkan kompilasi puisi/gurindam dalam pelbagai media.• Mencipta syair/gurindam.• Menterjemahkan puisi dalam bentuk lakonan. |
| Cadangan penyelesaian | : | Persembahan multimedia. |
| Jadual Kerja | : | Disediakan mengikut sesi perjumpaan. |
| Laporan dan Persembahan | : | Menyediakan laporan pendokumentasian projek. |

7.2 Contoh 2:

- Persatuan : Kebudayaan
- Tema : Pelbagai Budaya Mampu Membentuk Negara Harmoni
- Tajuk : Memperkenal Tarian Zapin di peringkat luar negara.
- Masalah : Mendapatkan peruntukan bagi menyertai tarian zapin di Indonesia.
- Cadangan / Alternatif :
 - Derma.
 - Jualan.
 - Mohon penajaan pakaian dan tiket daripada pihak luar.
- Cadangan penyelesaian : Mengadakan pertunjukan pentas berbayar di peringkat sekolah dan komuniti.
- Laporan dan Persembahan :
 - Menyediakan laporan pendokumentasian projek.
 - Menyertai pertandingan.
- 

7.3 Contoh 3:

- Persatuan/Kelab : Kelab Alam Sekitar
- Tema : Teknologi Hijau: Kesihatan Berganda, Hidup Sejahtera
- Tajuk : Mengenal keunikan jenis dan khasiat ulaman tempatan.
- Masalah :
 - Masyarakat masa kini kurang mengetahui keunikan dan nilai ulaman tempatan.
 - Kurang pengetahuan mengenai nilai komersial ulaman tempatan.
- Cadangan/Alternatif :
 - Mengadakan kajian jenis ulam tempatan.
 - Memperkenalkan ulam kepada masyarakat setempat melalui ulam yang ditanam sendiri.
 - Menghasilkan dokumentasi berkaitan jenis dan khasiat ulam tempatan.
 - Mempromosi khasiat ulam tempatan.
- Cadangan penyelesaian :
 - Memperkenalkan ulam kepada masyarakat setempat melalui ulam yang ditanam sendiri.
- Laporan dan Persembahan :
 - Menyediakan laporan pendokumentasian projek.
 - Membentang persembahan projek.
 - Menyertai pertandingan.
-

7.4 Contoh 4:

Persatuan/Kelab	:	Reka cipta/Teknologi
Tajuk	:	Penyidai Pakaian Pintar
Masalah	:	<ul style="list-style-type: none">• Kebanyakan wanita masa kini bekerja dan tidak berada di rumah. Pakaian yang dicuci memerlukan cahaya matahari supaya pakaian dapat kering dengan cepat dan berbau segar.• Tempat menyidai pakaian masa kini tidak dapat mengeringkan pakaian yang dijemur sekiranya hari hujan dan suhu lembab.
Cadangan/Alternatif	:	<ul style="list-style-type: none">• Mencipta penyidai pakaian yang boleh mengesan titisan hujan dan mengeluarkan penutup kalis air yang boleh melindungi pakaian daripada hujan.• Menyediakan ruang di kawasan yang berbunga supaya pakaian terlindung daripada hujan.• Mencipta alat pengering pakaian yang boleh mengeringkan pakaian yang telah dicuci.
Cadangan penyelesaian	:	Mencipta penyidai pakaian yang boleh mengesan titisan hujan dan mengeluarkan penutup kalis air yang boleh melindungi pakaian daripada hujan.
Laporan dan Persembahan	:	<ul style="list-style-type: none">• Mencipta alat yang diperlukan.• Menyediakan laporan pendokumentasian projek.• Membentang persembahan projek.• Menyertai pertandingan.

8.0**PENUTUP**

Aktiviti kokurikulum berdasarkan KBAT bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai pemikiran kreatif dan berinovasi. Semasa menjalankan aktiviti kokurikulum, murid mengemukakan dan berkongsi idea, mengaplikasikan kemahiran, menyelesaikan masalah dengan berkesan dan mengamalkan nilai murni. Penguasaan KBAT melalui kokurikulum mampu membentuk murid yang berupaya menghadapi cabaran, tekanan dan perubahan serta dapat membentuk individu yang kreatif, berimajinasi tinggi, mempunyai nilai dan boleh membuat pertimbangan yang logik. Murid dipupuk dengan kemahiran kepimpinan melalui aktiviti kokurikulum yang dijalankan.





RUJUKAN

1. Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025: Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah.
2. Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). Panduan pelaksanaan projek inovasi: kelab dan persatuan sekolah.
3. Malaysia. 1998. Warta Kerajaan. Jilid 42/No. 11 (Tambahan 41) Perundangan PU (A) 196.
4. Dewan Bahasa dan Pustaka (2002). Kamus Dewan. Edisi ke-3.





Diterbitkan oleh
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM
Aras 4 – 8, Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
Tel: 03 8884 2000 Faks: 03 8888 9917
<http://www.moe.gov.my/bpk>

